

# TIDAK ADA YANG SUKAR DAN TIDAK ADA YANG PAYAH

Di bawah ini diperturunkan makalah yang ditulis oleh Tuan Mohammad Natsir Ketua Jawatankuasa Kerja Masyumi dan bekas Perdana Menteri Indonesia yang terkenal di dalam majalah “Aliran Islam” yang sangat patut bagi kita menatapnya untuk mengetahui di mana kedudukan Islam dan yang patut dikerjakan oleh Islam dengan amal dalam masa keadaan gelora siasah dunia yang sedang merebut tempat masing-masing. Tuan Mohammad Natsir adalah terkenal sebagai seorang ahli siasat Indonesia yang sedikit bercakap tetapi banyak bekerja dan berpengaruh besar di dalam lingkungan orang-orang Islam di Indonesia. Faham-fahamnya dan pengertiannya dalam Islam adalah luas dan dalam dan dihargai oleh tiap-tiap umat Islam baik tua ataupun muda. Dengan kerana itu maqalah ini patut benar ditatap dan diperhati oleh tiap-tiap kita umat Islam yang bercita-cita kepada tujuan untuk menyatukan Islam pada masa yang akan datang – Pengarang

## PETARUHAN KITA

(oleh Mohammad Natsir)

Seluruh umat manusia di sepanjang zaman berusaha mencari bahagia di dalam hidupnya, yakni kehidupan yang aman dan makmur, yang bebas dari ketakutan, bebas dari kesengsaraan dan kemiskinan. Sudah bermacam-macam siuri yang dilahirkan oleh otak manusia untuk mencari bahagia itu, tetapi setelah dilaksanakan pada hujungnyanya sentiasa mereka bertemu dengan kemelatan dan kemusnahan.

Pada abad kita sekarang ini kerap kali kita dengar bahawa teori untuk mencapai bahagia itu hanya dua, iaitu teori komunisme dan teori kapitalisme, yang menyebabkan dunia seakan-akan terbahagi dua pula : golongan komunis dan golongan kapitalis nampaknya seakan-akan dua golongan inilah yang berhak penuh berbuat segala sesuatu, dan masing-masing berusaha sehabis daya upayanya untuk mendapat pengikut sebanyak-banyaknya yang akan berpihak kepada alam fikirannya. Sedangkan golongan lain diluar mereka dipandangan tidak usah hidup dan tidak berhak hidup.

Golongan komunis mengemukakan, bahawa dengan dasar

komunismelah kita dapat menuju kepada kehidupan yang aman dan makmur bersama-sama. Kekayaan harus dibahagi sama rata, jangan di monopoli oleh beberapa orang sahaja, dan cara yang sekarang ini berlaku hendaknya diganti dengan yang lain, iaitu dengan tidak mengakui adanya hak milik seseorang, yang ada hanyalah milik bersama sahaja, dan dari milik bersama inilah dapat dicapai faedah untuk bersama pula. Kedudukan tiap-tiap kepentingan perseorangan tidak berdiri sendiri, tetapi hanya merupakan suatu bahagian kecil sahaja dari negara. Bersama-sama mereka makan dari piring yang satu dan bersama-sama pula mereka memasukkan makanan ke dalam piring yang satu itu. Inilah -katanya – cara satu-satunya untuk menghapuskan kemiskinan dan kemelatan.

Ada pun golongan kapitalisme ingin meninggikan darjat peri kehidupan manusia, kepada setiap kepentingan perseorangan diberikan kebebasan sepenuhnya untuk berusaha, untuk mengejar keuntungan dan untuk mengadakan persaingan di antara satu dengan lain, serta untuk mempergunakan rezeki yang didapatinya itu dengan sebebaskan-bebasnya pula. Ringkasnya – berlainan dengan komunisme – oleh ajaran kapitalisme ini diberikan kepada tiap-tiap orang

kesempatan seluas-luasnya untuk menggunakan haknya dengan tidak terbatas, untuk senghaja berlumba-lumba.

Kedua teori atau ajaran ini sekarang sedang berjalan dan masing-masingnya mendakwa-dakwakan, bahawa teorilah yang harus dipakai menjadi pengangan hidup, kerana hanya itulah jalan yang dapat menjamin hidup bahagia. Para pengikut dari kedua isme tersebut sangat yakin akan teori yang dipegangnya. Sebagaimana kita umat Islam redha berkorban dan berjihad dalam membela agama kita, mereka pun mahu pula mati dalam mempertahankan keyakinannya itu.

Setelah berpuluh-puluh tahun lamanya pemegang kedua faham itu mengembangkan ideologinya (fahaman), maka marilah sekarang kita perhatikan apakah yang telah dapat mereka capai.

Akibat komunisme itu: Pertama: Menghilangkan kedudukan perseorangan dengan jalan meniadakan hak milik perseorangan dan dengan perbuatan yang demikian harta benda akan berkumpul pada satu golongan. Apabila timbul suatu kesan yang menuju ke arah perlumbaan, maka segeralah dipergunakan alat kekuasaan negara untuk menindasnya. Kalau ada suatu faham yang berlainan dengan bakat dan tabiat yang diakui oleh negara, maka segera pula ditekan.

Di negara Russia, di tempat faham komunisme itu sekarang sedang dipraktikkan, (diamalkan) mungkin sekali tidak ada lagi kemelaratan seperti pada beberapa puluh tahun yang lalu sebelum faham itu dijalankan. Akan tetapi untuk itu peribadi manusia menjadi hilang musnah, kemerdekaan peribadi dikongkong dan ditekan dengan alat-alat kekuasaan pemerintah. Di sana memang terdapat juga berbagai macam aliran fikiran dan beberapa parti, akan tetapi hanya satu sahaja yang berada diluar penjara, selebihnya dari yang satu itu berada di dalam kem-kem pembuangan di Siberia yang dijaga sekuat-kuatnya dengan *mesin-gun* dan *bayonet*.

Mungkin sekali orang-orang di Russia itu hendak makan, minum dan tempat kediaman yang cukup baik dan sihat. Akan tetapi kalau hanya sehingga itu sahaja kehendak manusia di dalam hidup ini dan sudah merasa puas dengan keadaan yang demikian, rasanya tidaklah ada bezanya masyarakat manusia itu dengan masyarakat yang ada di Cekini. (Penjara di Jakarta – P) Pada waktu-waktu yang telah ditetapkan masing-masing anggota masyarakatnya mendapat sepotong daging atau buah-buahan yang dibahagi-bahagikan oleh orang lain-lain tetapi mereka tidak boleh keluar dari pagar, selalu berada dalam kongkongan. Keadaan yang seperti ini bagi binatang mungkin sudah dapat dikatakan makmur.

#### Akibat Kapitalisme

Di negara kapitalis kemerdekaan diberikan seluas-luasnya kepada tiap-tiap orang untuk memperoleh rezeki dengan berlumba-lumba. tujuannya, niatnya dalam perjuangan ialah semata-mata untuk menambah penghasilan masing-masing menambah keuntungan sendiri-sendiri.

Kalau sekiranya faham ini sudah di pandang benar dan ilmu pengetahuan kerananya telah bertambah maju dengan setinggi-tingginya untuk menambahkan kekayaan yang dapat di ambil dari alam ini. Sungguh mustahil sekali akan masih terdapat seorang yang melarat sengsara.

Dapat diakui, dengan ajaran kapitalisme, keperibadian boleh berkembang dan pengetahuan dapat melambung setinggi-tingginya. Orang boleh berusaha mengorek kekayaan alam ini sebanyak-banyaknya. Tenaga dan ilmu pengetahuan dikerahkan sehabis-habisnya untuk mencapai pengeluaran barang-barang yang dikehendaki, supaya kemakmuran dapat dicapai. Tetapi dalam pada itu mereka tidak segan-segan melampaui batas perikemanusiaan. Kerap kali terjadi bahawa bergudang-gudang kopi atau gandum dibakar menjadi abu atau dibuangkan ke dalam laut untuk menghindarkan pengeluaran barang-barang dan untuk menghindarkan jatuhnya harga barang-barang tersebut padahal berjuta-juta manusia di negara-negara lain mati kelaparan. Mereka tidak

perduli orang lain kekurangan makan, mereka tidak pentingkan orang-orang lain mati kelaparan, yang penting ialah menjaga harga dan berusaha supaya keuntungan jangan berkurang

Memang kaum kapitalis hanya menghendaki keuntungan sendiri sahaja dari segala perbuatan dan usaha dengan bersandar kepada apa yang dinamainya tujuan ekonomi.

Komunisme dalam mencapai kemakmuran menekan dan memperkuasa tabiat dan hak-hak asas manusia. Sedang kapitalisme dalam memberikan kebebasan kepada tiap-tiap orang, tidak mengendahkan perikemanusiaan dan hidup dari pemerasan titik peluh orang lain dan membukakan jalan untuk kehancuran kekayaan alam.

Orang bertanya, apa jawab kita?

Oleh kerana tekanan penjajahan berabad-abad yang mengongkong jiwa dan melihat hebatnya pertelingkahan kedua faham itu kadang-kadang umat Islam merasa dirinya kecil dan rendah, sehingga kerana itu kadang-kadang mereka lupa, bahawa soal-soal perikehidupan ini sebenarnya dapat dijawab oleh ajaran-ajaran Islam dengan sebaik-baiknya.

Islam sebagai agama fitrah memberikan tuntutan hidup yang lengkap sempurna kepada manusia sesuai dengan tabiat dan kejadian manusia itu sendiri.

Islam memberikan kebebasan dan menyuruh manusia berusaha mencari nafkah dan kekayaan sekuat-kuatnya baik di laut maupun di darat. Tuhan berfirman:

“Apabila telah selesai mengerjakan sembahyang pergilah kamu sekalian berkeliaran di muka bumi untuk mencari rezeki anugerah Allah”. Aal-Jumuah 10)

Di dalam ayat yang lain Tuhan berfirman pula:

“Dialah (Allah) yang telah menjadikan lautan supaya kamu dapat memakan daging ikannya yang lembut segar dan dapat mengeluarkan berbagai macam perhiasan untuk kamu pakai.

Dan kamu lihat pula kapal dapat belayar di laut itu, (memang gunanya) supaya kamu dapat mencari rezeki

anugerah Allah. Mudah-mudahan kamu bersyukur.”

(An-Nahl 14)

Rasulullah (SAW) pernah pula bersabda : “Carilah rezeki di dalam perut bumi.”

Islam mendorong manusia berusaha segiat-giatnya dengan jalan perniagaan, perikanan dan pelayaran, atau pun dengan jalan galian dan lain-lain sebagainya. Tiap-tiap diri diberi hak hidup dan diberi kebebasan seluas-luasnya mencari rezeki sekuat tenaganya. Tetapi setelah berhasil tidaklah boleh harta itu dipakai menjadi alat untuk memuaskan hawa nafsu, tetapi diperintahkan oleh agama supaya digunakan menjadi alat untuk mencapai keredhaan Illahi, yang akan membawa manusia kepada kehidupan bahagia yang abadi di akhirat kelak. Cara mencapai keredhaan Illahi itu ialah dengan ihsan dengan berbuat baik, yakni dengan mengeluarkan sebahagian dari harta yang telah diperdapat itu untuk keperluan masyarakat.

Hak dan kewajipan sentiasa berbalasan dan berimbangan. Seseorang diberi kebebasan memegang haknya selama kewajipannya dipenuhinya. Dan manakala kewajipan itu dicuainya, maka dengan sendirinya gugurlah haknya. Harta yang telah diamanahkan Tuhan kepada seseorang lantaran kegiatannya, tetapi tidak dikeluarkannya sebahagian untuk ihsan, sehingga masyarakat sama sekali tak mendapat dari harta itu, bahkan merugikan masyarakat, maka dalam hal ini pemerintah berhak mengambil tindakan-tindakan yang diperlukan untuk mengembalikan keseimbangan.

Melalaikan kewajipan ihsan itu amatlah besar bahayanya: Berbahaya bagi diri sendiri dan berbahaya pula buat masyarakat seluruhnya. Perbuatan itu akan menimbulkan fasad, menimbulkan kerosakan, dengan perbuatan yang demikian harta benda akan berkumpul pada satu golongan yang kecil, golongan orang kaya, dan golongan yang terbesar dalam masyarakat akan malarat dan sengsara, sehingga hilanglah keseimbangan di dalam masyarakat. Kalau keseimbangan itu

telah hilang nescaya akan timbullah satu pergolakkan atau revolusi yang mengakibatkan kerosakan dan kemusnahan.

Keseimbangan inilah yang perlu sekali dijaga bersama-sama.

Kemiskinan dan kemelaratn harus dihilangkan dengan ihsan. Rasulullah (SAW) sudah memperingatkan, bahawa kemiskinan itu mendekatkan orang kepada kekafiran.

Hal ini semua disebutkan di dalam Al-Quran sebagai berikut:

“Capailah kebahagiaan akhirat itu dengan nikmat yang di anugerahkan Allah kepadamu, tetapi jangan lupakan nasibmu di dunia. Dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu. Dan janganlah kamu berbuat rosak di muka bumi, kerana Allah tidak suka kepada orang-orang yang membuat kerosakan.” (Al-Qasas 77)

Untuk mencapai kemakmuran dan keamanan di dalam masyarakat, seorang muslim di anjurkan supaya sentiasa berbuat baik atau memberi bukan meminta kerana sebagaimana diterangkan oleh Nabi Muhammad (SAW), tangan yang di atas itu lebih baik daripada tangan yang di bawah. Akan tetapi syarat untuk dapat memberi itu hendaklah mempunyai lebih dahulu. Oleh kerana itu di wajibkan berusaha mencari rezeki sekuat-kuatnya. Semakin banyak yang didapat semakin baik pula yang akan diberikan. Dan sebagaimana diterangkan di dalam Al-Quran surah Al-Hasyr ayat 7, kekayaan itu tidaklah boleh beredar di tangan orang-orang kaya sahaja, tetapi sebahagiannya mesti dikeluarkan untuk membangun kemakmuran seluruh masyarakat. Salah satu cara pengeluarannya itu ialah dengan kewajipan zakat.

Nyatalah bahawa, berlainan dengan komunisme – Islam mengakui hak keperibadian dan memberikan kebebasan, bahkan mewajibkan kepada tiap-tiap orang supaya mencari rezeki sekuat tenaga. Dan – berlainan pula dari kapitalisme –, kekayaan yang diperdapat itu tidaklah boleh digunakan untuk kepentingan diri sendiri

sahaja, tetapi harus pula dikeluarkan untuk menolong semua manusia, konon menciptakan kemakmuran bersama.

Inilah bahan bagi kita untuk menguji dan membanding segala faham yang dikeluarkan oleh otak manusia. Dengan inilah kita isi faham kita tidak dengan turutan-turutan atau ikut slogan dan semboyan-semboyan orang lain sahaja. Dengan penuh keinsafan kita yakin bahawa kita mempunyai taruhan sendiri untuk memecahkan soal-soal hidup ini. Tetapi taruhan ini mesti kita wujudkan ke alam kenyataan. Mesti kita buktikan sehingga buahnya dapat dirasakan oleh masyarakat dan keindahannya dapat pula disaksikan oleh orang sekeliling.

Marilah kita buktikan dan kita perjihadkan! Tidak ada yang sukar dan tidak ada yang sulit. Sukar dan sulit itu hanya bergantung kepada hati: Kalau hati mau sukar dan sulit tidak ada!

Marilah kita mulai dari zakat! Kita atur, kita susun dengan betul-betul agar dapat menghilangkan kemiskinan dan kemelaratn di dalam masyarakat.

Tiap-tiap golongan mempunyai taruhan sendiri-sendiri dan taruhan kita ialah: Kebenaran itu hanya dari Tuhanmu, janganlah kamu ragu dan waham.

Fastabqu al-khairat! Marilah kita berlumba-lumba dalam kebaikan, supaya Islam benar-benar nyata menjadi rahmat lil-'alamin.



Siapakah yang sebenarnya murtad? Jika hendak mengetahui dengan sebenarnya bacalah buku –

## UTUSAN MURTAD

senaskah \$1.00 – pos 10sen.

